

**SISTEM PEMILIKAN TANAH DAN KESAN TERHADAP PEMILIKAN
TANAH ORANG MELAYU DI KEDAH 1660 HINGGA 1941**

AZAHARI BIN MAHMUDDIN

**Tesis ini dikemukakan kepada Universiti Sains Malaysia bagi
memenuhi sebahagian daripada syarat
Ijazah Sarjana Sastera dalam bidang Sejarah**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

JULAI 2013

PENGAKUAN:

Saya akui tesis ini adalah hasil karya asal saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

22 JULAI 2013

.....
(AZAHARI BIN MAHMUDDIN)

PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Illahi dengan izin dan hidayahNYA maka saya dapat menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada penyelia saya Dr. Azmah binti Abdul Manaf atas kesudian beliau membimbing saya menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih ini juga saya rakamkan kepada keluarga dan rakan-rakan yang banyak memberi perangsang kepada saya untuk meneruskan tesis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat Yusni Ali yang banyak menyumbang tenaga dan buah fikiran untuk merealisasikan kejayaan tesis ini.

Sebenarnya, tesis ini lahir dari keinginan saya memartabatkan khazanah tulisan yang berunsurkan sejarah tanah air untuk tatapan dan rujukan para penyelidik akan datang. Kajian yang bertemakan sistem pemilikan tanah ketika pemerintahan tradisional dan semasa penguasaan pihak British di Kedah merupakan agenda utama kajian ilmiah tesis ini. Berlatar belakangkan dua tampuk pemerintahan di kedah antara tahun 1880 hingga 1941 telah menyaksikan perubahan yang nyata terhadap sistem pemilikan tanah di Kedah. Bermula dengan sistem mengusahakan tanah milik mutlak raja oleh orang-orang Melayu kepada tanah milik persendirian telah memperlihatkan kepentingan tanah sebagai komoditi yang berharga. Masyarakat Melayu sebagai penduduk asal Kedah telah berusaha memiliki tanah melalui permohonan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak British dan saingan yang kuat oleh para pelabur luar telah menjadikan sektor pertanian berkembang pesat di Kedah. Masyarakat Melayu terus terpinggir dalam arus perubahan sistem pemilikan tanah yang telah diperkenalkan oleh pihak British. Para pelabur Barat pula telah mendominasi memiliki tanah perladangan getah di Kedah menyebabkan ekonomi orang-orang Melayu terus terhimpit di Kedah.

Akhir sekali saya berharap tesis saya dapat menjadi panduan dan rujukan kepada para pelajar dan pengkaji sejarah tempatan. Sekian, terima kasih kepada semua.

JADUAL KANDUNGAN :

PENGHARGAAN	...iii
JADUAL KANDUNGAN	...iv
SENARAI JADUAL	...vii
MAKSUD SINGKATAN	...ix
ABSTRAK	...x
ABSTRACT	

BAB SATU : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	...1
1.2	Sorotan Kajian	...13
1.3	Permasalahan Kajian	...26
1.4	Objektif Kajian	...30
1.5	Skop Kajian	...31
1.5.1	Metadologi Kajian	...33
1.5.2	Kepentingan Kajian	...34
1.5.3	Batasan Kajian	...34
1.6	Struktur Bab	...35

BAB DUA : SISTEM PEMILIKAN TANAH TRADISIONAL KEDAH 1660 HINGGA 1909

2.1	Pengenalan	...38
2.2	Kepentingan Tanah Dalam Masyarakat Melayu Tradisional	...41
2.3	Sistem pemilikan Tanah Tradisional Masyarakat Melayu Kedah	...50

2.4	Perkembangan Sistem Pemilikan Tanah Tradisional Kedah (1660 – 1909)	...54
2.5	Kesimpulan	...73
BAB TIGA PENTADBIRAN BRITISH DAN PERUBAHAN SISTEM PEMILIKAN TANAH DI KEDAH , 1909 HINGGA 1941		
3.1	Pengenalan	...77
3.2	Perjanjian Inggeris-Siam (1909) dan Perubahan Terhadap Pentadbiran di Negeri-negeri Utara Tanah Melayu	...80
3.3	Pertambahan Penduduk dan Kesan Terhadap Pola Pemilikan Tanah di Kedah, 1909 hingga 1941	...86
3.4	Perubahan dalam Sistem Pemilikan Tanah di Kedah 1909 hingga 1941	...90
3.5	Permohonan Pemilikan Tanah di Kedah Semasa Pentadbiran British	...104
3.6	Perkembangan Bidang Pertanian di Kedah 1909 – 1941	...108
3.7	Pejabat Tanah Negeri dan Sistem Pemilikan Tanah di Kedah 1909 – 1941	...114
3.8	Majlis Mesyuarat Negeri Kedah, 1909 – 1941	...128
3.9	Kesimpulan	...133
BAB EMPAT PERUBAHAN POLISI BRITISH TERHADAP SISTEM PEMILIKAN TANAH DAN KESANNYA TERHADAP ORANG MELAYU DI KEDAH , 1909 HINGGA 1941		
4.1	Pengenalan	...135
4.2	Perubahan Sistem Amalan Berhutang Dan Kesannya Terhadap Pemilikan Tanah Orang Melayu di Kedah	...137
4.3	Perubahan Sistem Penyewaan Tanah dan Kesannya Terhadap Kegiatan Pertanian Orang Melayu di Kedah, 1909 hingga 1941	...146
4.4	Perubahan Sistem Pemilikan Tanah dan Kesannya Terhadap Orang Melayu di Kedah 1909 hingga 1941	...148

4.5	Permohonan, Pemilikan Tanah dan Ubah Syarat Tanah	...152
4.6	Kesimpulan	...181
BAB LIMA	KESIMPULAN	...185
	SENARAI RUJUKAN	...196
	LAMPIRAN	
	Lampiran 1 : Peta Negeri Kedah Sekitar Thun 1911	...208
	Lampiran 2 : Keratan Akhbar Mengenai Penulisan Undang-undang Kedah	...209
	Lampiran 3 : Artikel Mengenai Teks Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh	...210
	Lampiran 4 : Contoh Geran Tanah Pada Tahun 1850	...211
	Lampiran 5 : Contoh Minit Mesyuarat Negeri Kedah Yang Membincangkan Mengenai Tanah	...212
	Lampiran 6 : Contoh Laporan Tahunan Pejabat Tanah di Kedah	...213
	Lampiran 7 : Contoh Rekod Pejabat Tanah Mengenai Pengurusan Tanah	...214

KEPENDEKKAN

CO	Colonial Office
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DOKM	District Office of Kuala Muda
FO	Foreign Office
HCO	High Commissioner's Office
JMBRAS	Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
JSEAH	Journal South East Asia History
JSBRAS	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society
KAR	Kedah Annual Report
KDSS	Kedah Dari Segi Sejarah
LOB	Land Office of Baling
LOKM	Land Office of Kuala Muda
LOKP	Land Office of Kubang Pasu
MBRAS	Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
MMMNK	Minit Majlis Mesyuarat Majlis Negeri Kedah
SMSAH	Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid
SUK/K	Setiausaha Kerajaan Kedah

SENARAI JADUAL :

Jadual 3.0	Keluasan Daerah-daerah di Negeri Kedah	m/s...86
Jadual 3.1	Jumlah Penduduk Mengikut Bandar/Pekan di Kedah pada Tahun 1931.	m/s...87
Jadual 3.2	Bilangan Penduduk Berbilang Kaum di Dataran Kedah pada Tahun 1911	m/s...89
Jadual 3.3	Pertambahan Kehadiran Orang-orang Cina di Daerah Kota Setar pada 1911 dan 1921.	m/s...89
Jadual 3.4	Pemilikan Tanah Ladang Getah oleh Syarikat Pemodal Eropah dan Tempatan di Kedah (1908).	m/s...93
Jadual 3.5	Jumlah Pemilikan Tanah Oleh Syarikat Perladangan Getah Antara Tahun 1919 hingga 1920 Mengikut Daerah di Kedah.	m/s...96
Jadual 3.6	Permohonan Pemilikan Tanah Melebihi 100 Relung Pada Tahun 1930 di Kedah	m/s...104
Jadual 3.7	Hasil Pengeluaran Padi di Kedah.	m/s...109
Jadual 3.8	Statistik Jumlah Pemilikan Tanah Perladangan Getah Oleh Para Pemodal British, Cina dan Melayu Mengikut Daerah di Kedah Pada Tahun 1933	m/s...112
Jadual 3.9	Hasil Pendapatan Anggaran dan Pendapatan Sebenar Tahunan 1909 – 1910.	m/s...115
Jadual 3.10	Pendapatan Tahunan Pejabat Tanah Daerah di Kedah 1909 – 1910.	m/s...117
Jadual 3.11	Pemberian Hak Pemilikan Tanah Mengikut Status pemilikan Tanah 1922.	m/s...121
Jadual 3.12	Jumlah Pegangan Pemilikan Tanah pertanian Mengikut Keluasan Tanah 1925.	m/s...123
Jadual 3.13	Anggaran Pendapatan Tahunan, Hasil Sebenar Pungutan dan Baki Hasil Pendapatan Tahunan Yang Dibawa ke Hadapan oleh Pejabat Tanah Negeri pada tahun 1925.	m/s...124
Jadual 3.14	Pemberian Surat Pegangan Hak Milik Tanah Pertanian di Kedah pada Tahun 1926.	m/s...125
Jadual 3.15	Jumlah Permohonan Tanah Mengikut Daerah di Kedah	m/s...16

pada Tahun 1932-1935.

Jadual 3.16	Peruntukan Penyelenggaraan Sistem Perairan/terusan di Kedah Pada Tahun 1920-an.	m/s...144
Jadual 4.1	Pengeluaran Hasil Padi di Kawasan Tengah Kubang Pasu.	m/s...146
Jadual 4.2	Leluasan Tanah Pertanian di Daerah Yan.	m/s...145
Jadual 4.3	Pengeluaran Hasil Padi di Kawasan Tengah Kubang Pasu	m/s...149
Jadual 4.4	Permohonan Tanah Daripada Kalangan Wanita Melayu di Daerah Baling	m/s...161
Jadual 4.5	Keluasan Tanah Simpanan Melayu di Kedah Pada Tahun 1931 dan 1941	m/s...166
Jadual 4.6	Permohonan Pindah Milik Tanah Pusaka di Pejabat Tanah Daerah Kuala Muda Pada Tahun 1936	m/s...172
Jadual 4.7	Permohonan dan Pemilikan Tanah Orang Melayu di Daerah Kuala Muda Antara Tahun 1919-1920	m/s...177
Jadual 4.8	Perincinan Permohonan Tanah Mengikut Keluasan Tanah dan Tujuan Permohonan	m/s...181
Jadual 5.1	Analisa Permohonan dan Urusan Tanah Orang-orang Melayu di Daerah Kuala Muda pada Tahun 1936.	m/s...191
Jadual 5.2	Analisa Permohonan dan Urusan Tanah Kaum-kaum Lain di Daerah Kuala Muda pada Tahun 1936.	m/s...193

SISTEM PEMILIKAN TANAH DAN KESAN TERHADAP PEMILIKAN TANAH ORANG MELAYU DI KEDAH 1660 HINGGA 1941

ABSTRAK

Kajian ini tertumpu kepada sistem pemilikan tanah di Kedah pada zaman pemerintahan tradisional Kedah sehinggalah kehadiran pihak British yang membawa perubahan kepada sistem pemilikan tanah di Kedah. Tempoh kajian ini adalah antara tahun 1660 hingga 1941 dan berlatarbelakangkan sistem pemilikan tanah yang berteraskan hak mengusahakan tanah semasa pemerintahan tradisional kepada hak milik tanah yang sah diperkenalkan oleh pihak British. Walaupun wujud sistem pemilikan tanah namun kebanyakan daripada petani masih tidak memiliki surat hak pemilikan tanah yang boleh menunjukkan mereka adalah pemilik tanah yang sah. Orang-orang Melayu ketika itu lebih selesa memohon mengusahakan tanah sahaja kerana hak pemilikan tanah belum menjamin pemilikan tanah berterusan. Kehadiran pihak British di Kedah pada tahun 1909 telah membawa perubahan dalam sistem pemilikan tanah tradisional di Kedah. Sistem Torrens yang diperkenalkan oleh pihak British telah menetapkan bahawa sesiapa sahaja yang ingin mengusahakan tanah mestilah memohon daripada pejabat tanah untuk mendapatkan surat pemilikan tanah yang sah. Pejabat Tanah Negeri telah diberi tanggungjawab mengeluarkan surat pemilikan tanah kepada pemohon. Setiap tanah yang dikeluarkan surat pemilikan telah disukat dan ditentukan kadar cukai tanah dan menjadi komoditi yang boleh diniagakan. Kepesatan kemajuan industri getah di Tanah Melayu telah menyebabkan permintaan terhadap tanah semakin meningkat di Kedah. Kadar cukai tanah yang telah ditetapkan juga menyebabkan orang-orang Melayu terhimpit. Dasar keterbukaan pihak British memberi kelonggaran kepada pelabur luar memiliki tanah perladangan getah telah memberi kesan kepada orang-orang Melayu yang memohon tanah perladangan getah dari segi kemampuan mengeluarkan modal. Peraturan yang telah ditetapkan kepada pemodal Melayu membuka

tanah perladangan getah juga menyebabkan orang-orang Melayu hanya mampu memiliki tanah pada skala yang kecil jika dibandingkan dengan pelabur asing.

**THE SYSTEM OF LAND OWNERSHIP AND LAND OWNERSHIP AFFECT THE
MALAYS IN KEDAH 1660 TO 1941**

ABSTRACT

This case study focuses on the acquisition of the land system in Kedah during the traditional reign of the Kedah Sultanate until the arrival of the British Power which brought changes to the acquisition of the land system in Kedah. The duration of this case study begins from 1660 until 1941 and it primarily hinges on the acquisition of the land system that emphasise on the right of the individual to develop the land during traditional rule until the arrival of the British who introduced the legal and official ownership of the land system. Although, land ownership existed long before the arrival of the British, the majority of the peasants still did not possess the land title which is a legal document that can validate that they were the legal owner of the land. The Malays at that point in time were move comfortable seeking permission to just develop the land as they viewed that the acquisition of the land would not guarantee them the perpetual ownership of the landed property. The British presence in Kedah in 1909 had brought reforms to the traditional Kedah system of land ownership. The Torrens System which was introduced by the British stipulated that whoever wanted to develop the land must apply from the land office a legal document of the land ownership. The state land officer was given responsibility to issue land title to the applicant. Each peaceof land was given to the ownership letter. The land was measured and the land tax rate was fixed and the land became the commodity that could be traded. The rapid growth of the rubber industry in Malaya had caused the demand for the land to rise rapidly. The fixed land tax caused the Malays to be marginalised. The open policy introduced by the British had given ample room for foreign investors to own agricultural land which affected the Malays who applied for the agricultural land but was deprived due to the hugh capital involved. The rules that were enforced towards Malay entrepreneurs to open agricultural land for rubber also

resulted in the Malays to be able only to acquire a relatively smaller scale of land as compared to the other foreign investors who had bigger capital.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Semasa pemerintahan tradisional Kedah (1880 hingga 1909), tanah adalah hak milik mutlak raja yang berkuasa ketika itu. Walau bagaimanapun rakyat dibenarkan mengusahakan tanah setelah mendapat izin daripada pihak raja yang memerintah. Sebagai tanda penghormatan dan kesetiaan rakyat kepada raja maka rakyat mempersembahkan hasil pertanian mereka kepada raja dan menjadi hamba ‘kerah’ kepada raja.¹ Raja juga telah menjadikan sistem pemilikan tanah sebagai satu usaha pihak pemerintah tradisional untuk mengawal dan menguasai masyarakat tempatan ketika itu. Golongan pemerintah telah menganggap bahawa tanah adalah milik mutlak mereka berdasarkan undang-undang adat Melayu tradisional. Hal ini dapat dilihat dalam *Undang-Undang Kedah* Fasal 18 yang telah menetapkan seperti berikut :

“tanah adalah hak Allah dan sultan merupakan bayangan Allah di dunia maka tanah menjadi hak mutlak sultan untuk mengawalnya”²

Persoalan berkenaan sistem pemilikan tanah tradisional telah mendapat reaksi yang berbeza daripada pengkaji Barat. Frank Swettenham telah mempertikaikan kewujudan sistem pemilikan tanah ketika pemerintahan tradisional. Beliau berpendapat tidak wujud sistem pemilikan tanah ketika pemerintahan tradisional kerana rakyat hanya diberi keizinan untuk mengusahakan tanah sahaja manakala hasil pertanian daripada petani diambil oleh

¹ Mohd Isa Othman, 2001, “*Pengalaman Kedah dan Perlis Zaman Penjajahan British*”, Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd, Kuala Lumpur. Hal.41

² Fasal 18 dalam “*Undang-undang Kedah. Versi Ku Din Ku Meh*”.

pemerintah tempatan sewenang-wenangnya. Antara pernyataan yang telah diutarakan oleh Frank Swettenham berkenaan sistem pemilikan tanah tradisional sebelum kehadiran pihak British di Tanah Melayu adalah seperti berikut:

“ sebelum penjajahan, tiada sebarang sistem bayaran satu persepuluh atau sistem pemilikan tanah dalam masyarakat Melayu yang diterima umum. Setiap orang menduduki dan mengerjakan tanah sesuka hati mereka tanpa membayar apa-apa, tetapi pihak berkuasa tempatan seperti sultan, pegawai-pegawai negeri, penghulu atau anak raja, yakni sesiapa yang mempunyai kuasa atau kekuatan boleh mengusir dari tanah sewenang-wenangnya atau merampas hasil keluaran yang diminati dengan sesuka hati mereka ”³

Maxwell pula mempunyai pandangan yang berbeza, kerana menurut beliau terdapat corak pemegangan hakmilik tanah di negeri-negeri Tanah Melayu sebelum kehadiran pihak British. Beliau mendapati rakyat bebas mengusahakan tanah selagi termampu untuk mencari rezeki keluarga. Walau bagaimanapun, beliau mengakui kedudukan raja sebagai pemilik mutlak tanah dan mempunyai kuasa untuk mengutip hasil pertanian rakyat. Justeru, hak rakyat terhadap tanah yang diusahakan bergantung kepada berapa lama seseorang itu dapat mengusahakan tanah atau memperlihatkan tanda-tanda tanah itu miliknya. Ini bermakna rakyat tidak mempunyai hak mutlak terhadap tanah yang diusahakannya. Dalam sistem pemilikan tanah tradisional, para petani yang diberi keizinan mengusahakan tanah dinilai melalui kemampuan mereka untuk melunaskan cukai yang telah ditetapkan oleh pemerintah tempatan. Undang-undang adat berkenaan tanah juga telah menetapkan satu per sepuluh daripada hasil pertanian diberikan kepada raja sebagai cukai tanah.⁴

³ David Wong, 1975, *Tenure and Land Dealings In The Malay State*, Singapore University Press, Singapura. Hal. 17-18

⁴ W. E. Maxwell, 1884, "The Law and Customs of the Malays with reference to the Tenure of Land", *JSBRAS*, XIII. Hal. 89-103

Kajian ini lebih memberi tumpuan terhadap sistem pemilikan tanah ketika pemerintahan tradisional Kedah (1880 hingga 1909) dan pembaharuan dalam sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh pihak British di Kedah (1909 hingga 1941) dengan memberi tumpuan kepada aspek pemilikan tanah orang Melayu. Perubahan dasar pemilikan tanah oleh British di Kedah bermula pada tahun 1909 apabila George Maxwell dilantik sebagai penasihat pertama British di Kedah. Perubahan dasar ini telah menimbulkan konflik dalaman kepada golongan kerabat diraja dan juga orang Melayu di Kedah. Sistem ekonomi terbuka British dalam pelaburan perladangan getah telah menyebabkan banyak permohonan untuk memiliki tanah daripada pihak luar. Oleh yang demikian, kesan daripada permintaan yang tinggi terhadap tanah menyebabkan banyak tanah milik orang Melayu telah jatuh kepada orang bukan Melayu dan juga pelabur luar.

Kajian ini turut mengupas berkenaan fasal-fasal yang terkandung dalam *Undang-Undang Kedah* yang menyentuh berkenaan sistem pemilikan tanah. *Undang-Undang Kedah* telah menetapkan beberapa peraturan berkenaan sistem pemilikan tanah semasa pemerintahan tradisional Kedah antaranya Fasal 18 hingga Fasal 21. Menerusi undang-undang ini, kepentingan tanah dapat dilihat dalam tiga bentuk hubungan iaitu hubungan antara pemerintahan dan tanah, hubungan raja dan rakyat dan hubungan sesama rakyat.⁵ Sistem pemilikan tanah tradisional juga telah menetapkan segala khazanah tanah yang berada di atas dan di dalam tanah adalah milik raja. Walau bagaimanapun di sebalik penguasaan mutlak raja terhadap tanah, raja juga mempunyai tanggungjawab mengurniakan tanah kepada rakyatnya untuk mencari rezeki. Oleh itu, Fasal 18 dalam Undang-Undang Kedah juga telah menetapkan proses kurniaan tanah oleh pihak raja kepada rakyatnya antaranya:

⁵ Mahani Musa, 2006, *Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. Hal. 257.

*“ Tanah raja yang engkau usaha tebas tebang persuci buat kampung dan dusun dan bendang huma itu hendaklah engkau pergi menghadap raja...pohonkan pada raja tanah usaha engkau itu...hendaklah engkau pohon alamatnya surat titahnya dengan cop mohor menteri raja tanda menunai kurnia akan engkau”.*⁶

Pernyataan ini jelas menunjukkan terdapat proses pemilikan tanah ketika zaman pemerintahan tradisional Kedah walaupun terdapat penafian oleh beberapa orang pengkaji dari Barat seperti Maxwell dan Swettenham berkenaan sistem pemilikan tanah tradisional.⁷ Walau bagaimanapun sistem pemilikan tanah tradisional tidak dapat dijalankan dengan teratur kerana ianya terlalu bergantung kepada arahan raja yang memerintah ketika itu. Situasi ini telah digambarkan oleh beberapa orang pegawai British di Kedah selepas pihak British berjaya menguasai Kedah pada tahun 1909.

*“ There was instance, no recognition of the distinction between what was public, and what was private land. In fact alienated land was taken to be the property of the ruler, and often times he would alienate any piece of land for himself or for someone to whom he wishes to bestow a favour”*⁸

Semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa, misalnya, baginda Sultan telah memperkenalkan sistem pemilikan tanah berdasarkan sistem sukatan tanah yang telah diselaraskan untuk memudahkan pemberian hak pemilikan tanah kepada masyarakat tempatan di Kedah. Oleh yang demikian, surat pemilikan tanah yang dikeluarkan ketika pemerintahannya yang mengandungi cop mohor Sultan Kedah sebagai tanda rasmi tanah berkenaan telah diberikan hak pemilikan.⁹ Walau bagaimanapun masih terdapat rakyat Kedah

⁶ *Ibid*, hal.258

⁷ Nik Haslinda Nik Hussain, 2011, *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan 1881-1941*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Hal.1-2

⁸ KAR, 1910, hal.6

⁹ Wan Anuar Wan Ishak, 'Sejarah Undang-undang Tanah Negeri Kedah', *Majalah Petak*, hal.56-57.

yang tidak memiliki tanah secara rasmi, tetapi hanya memohon tanah daripada ketua kampung untuk diusahakan sahaja.

Sistem perundangan Islam juga telah diterapkan dalam sistem pemilikan tanah pusaka semasa pemerintahan tradisional di Kedah. Fasal 23 hingga Fasal 25 dalam *Undang-Undang Kedah* juga telah menggariskan peraturan Islam dalam urusan jual beli tanah, sewa tanah dan pajakan tanah.¹⁰ Walau bagaimanapun semasa pemerintahan tradisional Kedah, tanah belum lagi menjadi komoditi yang boleh diniagakan.¹¹ Jumlah penduduk yang kurang berbanding dengan keluasan tanah ketika itu merupakan faktor utama tanah tidak diniagakan. Oleh yang demikian, pemilik tanah tidak menjual, menyewa atau memajak tanah mereka kepada orang lain, sebaliknya akan mengusahakan tanah tersebut atau dijadikan kawasan penempatan. Enakmen Tanah Kedah 1/1324 (1906) telah digubal bertujuan untuk menggantikan undang-undang tanah Kedah sebelum ini dan menstrukturkan semula pembahagian kawasan tanah iaitu kepada tiga kategori iaitu kawasan bandar, kawasan tanah kampung yang tidak melebihi 20 relung dan kawasan tanah kampung yang melebihi 20 relung. Sistem pemilikan tanah tradisional Kedah telah mempunyai satu sistem yang teratur dalam menguruskan tanah tempatan walaupun pada hakikatnya semua tanah yang diusahakan oleh rakyat adalah milik mutlak raja yang memerintah. Sistem ini berlangsung sehingga pemerintahan Sultan Abdul Hamid sebelum menerima perubahan ketika kehadiran kuasa British secara rasmi di Kedah pada tahun 1909.

Setelah perjanjian Bangkok ditandatangani antara pihak Siam dan pihak British pada tahun 1909, Kedah, Terengganu, Perlis dan Kelantan telah diserahkan kepada pihak British. Kehadiran pihak British di Kedah juga telah membawa perubahan dalam sistem pemilikan

¹⁰ Mohd Isa Othman, 2001, *Pengalaman Kedah ...* Hal.43

¹¹ *Ibid*, hal. 43

tanah. British telah memperkenalkan satu sistem pemilikan tanah terbuka dan mempunyai ciri-ciri pemilikan tanah yang sah dan mutlak oleh pemiliknya. Pihak British juga telah memperkenalkan undang-undang tanah mengikut acuan yang telah ditetapkan oleh mereka. Oleh yang demikian, pihak British juga telah memperkenalkan Sistem Torrens di Kedah pada tahun 1913¹² bagi menggantikan sistem pemilikan tanah tradisional Kedah. Sistem ini telah menetapkan setiap tanah yang dimiliki dikehendaki mempunyai surat akuan pemilikan tanah atau geran tanah. Oleh yang demikian, berdasarkan Sistem Torrens ini juga setiap tanah yang dimiliki, mempunyai keluasan tanah yang telah diukur mengikut sistem sukatan tanah yang ditetapkan oleh pihak British.¹³ Perubahan terhadap sistem pemilikan telah menyebabkan tanah menjadi komoditi yang boleh diniagakan dan bernilai.

Sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh pihak British ini juga telah membuka ruang kepada pelabur luar khususnya pemodal British dan Cina. Para pemodal luar ini juga telah mengeksploitasikan tanah sebagai modal utama dalam industri pertanian.¹⁴ Perubahan juga berlaku dalam sistem pentadbiran tanah dengan penubuhan Pejabat Tanah mengikut daerah yang terdapat di Kedah. Penubuhan pejabat tanah daerah adalah berdasarkan keperluan setempat dan permintaan terhadap permohonan tanah yang tinggi. Permohonan tanah oleh penduduk tempatan pula adalah untuk penempatan dan untuk dijadikan kawasan pertanian padi.¹⁵ Pihak British juga telah menggubal dan memperkenalkan undang-undang tanah yang boleh menyekat tanah milik orang Melayu daripada jatuh ke tangan golongan bukan Melayu. Enakmen Tanah Rizab Melayu telah diperkenalkan pada tahun 1913 di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu oleh pihak British bagi mengatasi masalah hak

¹² Sistem Torrens berasal daripada sistem perundangan tanah yang telah digunapakai di Australia yang melibatkan pengurusan pemilikan tanah.

¹³ Simpson, 1978, *English Land Law and Registration*, Cambridge Press, London. Hal.68-77

¹⁴ Nik Haslinda Nik Hussain, 2011, *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan, 1881-1994* Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Hal. 89.

¹⁵ KAR 1327H, 1910, Kuala Lumpur

pemilikan tanah orang Melayu daripada beralih tangan kepada golongan orang bukan Melayu. Enakmen ini dikenali sebagai Enakmen Bil. 63 (Rizab Melayu) di negeri Kedah.¹⁶ Pihak British juga telah memperkenalkan sistem pajakan tanah selama 99 tahun untuk memudahkan para pelabur asing mengusahakan tanah untuk perladangan getah dan perlombongan bijih timah di Kedah. Tanah pajakan ini telah dikenakan bayaran premium dan cukai tanah pada kadar yang rendah. Hal ini disebabkan sektor perlombongan dan perladangan yang dapat memberi pulangan yang besar kepada British.¹⁷

Perubahan terhadap sistem pemilikan tanah oleh pihak British juga telah memberi kesan kepada orang Melayu di Kedah. Orang Melayu terpaksa memohon tanah daripada pejabat tanah negeri untuk mengusahakan tanah pertanian. Mereka yang mengusahakan tanah tanpa kebenaran daripada pejabat tanah negeri dianggap mencerobohi tanah kerajaan secara haram. Walau bagaimanapun pihak British juga telah memberi peluang kepada orang Melayu khususnya petani tempatan memiliki tanah melalui sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh pihak British di Kedah. Semasa pemerintahan British di Kedah pada tahun 1909 sehingga 1941, petani Melayu terbahagi kepada tiga golongan iaitu petani yang kaya, sederhana dan miskin. Golongan petani Melayu yang kaya telah memiliki keluasan tanah yang luas kerana sentiasa berurusan membuat permohonan tanah dengan Pejabat Tanah Negeri. Golongan petani Melayu kaya ini juga berkemampuan membayar segala urusan pemprosesan yang berkaitan permohonan tanah, sukat tanah dan pembelian tanah. Golongan ini kebanyakannya terdiri daripada pembesar negeri, ketua kampung, ulama dan pentadbir tempatan. Golongan kedua pula terdiri daripada petani Melayu sederhana yang

¹⁶ Julia Sharina Bt. Mohd Sheriff, 2003, "*Sejarah Perkembangan Tanah di Negeri Kedah pada Abad ke 19-20*", Universiti Malaya. Hal.76

¹⁷ Kedah General Order, hal. 57

mengusahakan tanah yang dimiliki untuk keperluan keluarga. Golongan ketiga adalah petani miskin yang menyewa tanah milik orang lain atau menjadi buruh di sawah-sawah padi.

Pihak British juga telah menggalakkan orang Melayu mengusahakan pertanian padi di kawasan pedalaman di Kedah. Pendekatan pihak British ini menyebabkan ekonomi orang Melayu mundur berbanding kaum pendatang di Kedah dari segi infrastruktur. Orang Melayu kebanyakannya memohon tanah daripada Pejabat Tanah Negeri untuk mendirikan tapak kampung, kediaman, dusun, sawah dan ladang getah yang bersaiz kecil. Walau bagaimanapun, pihak British telah mengenakan cukai tanah yang rendah kepada orang Melayu yang memiliki tanah pertanian padi berbanding cukai tanah perladangan getah yang tinggi. Pihak British di Kedah menjaga kepentingan pelabur-pelabur Inggeris dan Cina kerana kegiatan ekonomi mereka yang dapat memberi hasil yang menguntungkan kepada ekonomi British terutama dalam industri perlombongan bijih timah dan getah.¹⁸ Pihak British sebenarnya melalui dasarnya tidak menggalakkan orang Melayu berkecimpung dalam industri getah yang memerlukan modal yang besar untuk mengusahakannya. Oleh yang demikian, pihak British lebih berharap agar orang Melayu Kedah menjadi pengeluar padi utama di Tanah Melayu.

Pembaharuan dalam sistem pemilikan tanah British di Kedah terutama dalam sistem pungutan cukai yang terancang telah menambahkan pendapatan kerajaan Negeri Kedah ketika itu. Hasil daripada pungutan cukai tanah telah meningkat dan pejabat tanah telah berjaya menggalakkan masyarakat tempatan membayar tunggakan hasil tanah dan sewa tanah. Sistem pemilikan tanah British telah mewajibkan setiap tanah yang dimiliki dikenakan cukai tanah telah menyebabkan orang Melayu menghadapi masalah kewangan dalam

¹⁸ *Ibid*, hal. 57

menyelesaikan bayaran cukai tanah, sewa tanah, bayaran sukat tanah dan urusan yang bersangkutan dengan proses permohonan pemilikan tanah di Kedah. Mereka juga perlu mematuhi prosedur dalam sistem pemilikan tanah yang telah ditetapkan oleh pihak British di Kedah.

Pihak British juga telah menggubal satu undang-undang tanah yang berkaitan hak pemilikan tanah iaitu undang-undang Tanah Concession¹⁹. Undang-undang ini digubal khas untuk perkara yang berkaitan dengan cukai tanah yang melebihi 50 relung yang telah ditetapkan pada kadar 37 sen serelung manakala bagi tanah yang kurang daripada 50 relung kadar cukai ditetapkan pada kadar \$1.00 serelung. Pembaharuan dalam sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh British di Kedah bertujuan untuk menarik minat pelabur-pelabur luar bagi mengusahakan tanah dan ladang dengan skala yang lebih besar. Pihak British berharap dengan pembaharuan yang dilakukan ini dapat menarik lebih banyak pelabur asing untuk melabur dalam bidang perladangan di Kedah.²⁰ Walau bagaimanapun, sistem pemilikan tanah British juga telah memberi kesan terhadap pola pemilikan tanah, kuantiti pemilikan tanah dan tujuan tanah yang dipohon oleh orang Melayu. Orang Melayu diwajibkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Pejabat Tanah Negeri ketika memohon tanah kerajaan bagi memperolehi geran tanah yang sah. Justeru, semua permohonan tanah dikehendaki melalui Pejabat Tanah Daerah atau Pejabat Tanah Negeri. Penubuhan Pejabat Tanah di setiap daerah akan memudahkan urusan memperolehi surat pemilikan tanah, sukat tanah dan pembayaran cukai tanah. Walau bagaimanapun proses memperolehi geran tanah mengambil masa yang lama dan perlu melalui beberapa prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak British.

¹⁹ Undang-undang Tanah Konsesi telah memberi hak kepada mereka untuk menggunakan sesuatu kawasan untuk diusahakan.

²⁰ Wan Anuar Wan Ishak, 'Sejarah Undang-undang Tanah Kedah', *Buletin Arkib Negara Cawangan Kedah-Perlis*. Hal.61

Orang Melayu juga tidak digalakkan menceburi tanaman getah yang memberi pulangan lumayan kerana modal yang diperlukan dalam industri ini tinggi. Justeru, pihak British hanya meluluskan keluasan tanah yang berskala kecil kepada orang Melayu dalam industri getah berbanding dengan kelulusan permohonan tanah oleh pelabur-pelabur Barat. Pihak British juga telah mengenakan cukai tanah yang tinggi terhadap tanah ladang getah berbanding cukai tanah pertanian bertujuan mengekang orang Melayu untuk memiliki tanah perladangan dan perlombongan.²¹ Justeru, kesan daripada ketegasan pihak British dalam sistem pemilikan tanah telah menyebabkan golongan kerabat diraja menerima impak yang besar dalam pemilikan tanah berskala besar. Semasa pentadbiran tradisional Kedah, golongan kerabat diraja mempunyai keistimewaan ketika memohon tanah dan memiliki tanah dalam jumlah yang besar iaitu seluas 500 relung. Namun begitu, setelah pihak British mentadbir Kedah, keistimewaan golongan kerabat diraja telah dikurangkan. Pihak British bimbang golongan kerabat diraja akan menyalahgunakan hak keistimewaan yang diberikan dengan menjual kembali tanah yang diluluskan kepada pelabur luar.²² Walau bagaimanapun pihak British telah menetapkan kerabat diraja yang mempunyai modal yang besar sahaja boleh memohon dan memiliki tanah ladang getah yang luas.²³

Penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri Kedah yang diperkenalkan oleh Sultan Abdul Hamid ketika menaiki takhta (1905) telah memainkan peranan yang penting ketika pemerintahan British di Kedah (1909 hingga 1941). Majlis Mesyuarat Negeri telah mengambil langkah yang drastik dengan menghadkan kelulusan permohonan tanah kerabat

²¹ Ahmad Nazri Abdullah, 1985, 'Melayu dan Tanah', *Media Cetak*, Kuala Lumpur. Hal. 54

²² Mahani Musa, 2005, *Sejarah & Sosial Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Hal.69

²³ *Ibid*

diraja setelah mendapat nasihat daripada Pegawai Pejabat Tanah.²⁴ Walau bagaimanapun peraturan menghadkan kelulusan permohonan tanah golongan kerabat diraja tidak dipatuhi sepenuhnya oleh Majlis Mesyuarat Negeri kerana kebanyakan anggota majlis ini terdiri daripada kerabat diraja sendiri. Pihak British juga perlu menjaga kepentingan ekonomi mereka yang menguntungkan hasil daripada kegiatan pelabur-pelabur British dalam sektor perladangan getah.²⁵ Dasar British terhadap pemilikan tanah oleh pelabur-pelabur Barat juga telah menyebabkan banyak tanah di Kedah dimonopoli oleh mereka. Pihak British juga telah menawarkan kawasan yang luas untuk tanaman getah kepada pelabur-pelabur Barat. British juga telah menawarkan kawasan yang luas untuk tanaman getah kepada pelabur-pelabur Barat. British juga telah menubuhkan Tabung Pinjaman Penanam (*Planter Loan Fund*) dengan memperuntukkan wang bernilai setengah juta dollar sebagai insentif kepada pelabur tanaman getah bagi mengusahakan ladang getah.²⁶ British telah mengambil sikap yang berbeza terhadap pekebun kecil yang terdiri daripada orang Melayu. Pekebun-pekebun Melayu yang kebanyakannya memiliki kurang daripada 2.5 ekar tanah berbanding pemilikan tanah yang luas melebihi 10 ekar oleh pelabur Barat. Walau bagaimanapun pekebun-pekebun kecil getah Melayu dapat bertahan dalam industri getah ini atas usaha gigih mereka.²⁷ Oleh yang demikian, pihak British juga telah mengenakan peraturan yang ketat iaitu dalam meluluskan permohonan dengan melambatkan proses permohonan dan mengenakan cukai yang tinggi terhadap permohonan orang Melayu untuk tujuan membuka ladang getah bagi mengelakkan orang Melayu untuk mengusahakan ladang getah.²⁸

²⁴ Minit Mesyuarat Majlis Negeri Kedah, 29 Mac 1917.

²⁵ Minit Mesyuarat Majlis Negeri Kedah, 2 November 1931.

²⁶ J.H. Drabble, 1967, 'Rubber Industry in Malay up to 1922', *JMBRAS*, Vol. XXX(1). Hal.54

²⁷ J.H. Drabble, 'Political of Survival : European Reactions in Malays to Rubber Smallholders in the Inter-war years' dalam Peter J. Rimmers and Lisa M. Allen, 1990, ' *The Underside of Malaysian History*', Singapore University Press, Singapore. Hal.52

²⁸ A.H. Tan, 1967, 'The Incidence of Export Taxes on Small Producers', *Malayan Economic Review*. Hal.31-32

Kajian ini nanti akan memperlihatkan mengenai sistem pemilikan tanah tradisional dan sistem pemilikan tanah ketika British berkuasa di Kedah dari 1909 hingga 1941 serta memberi gambaran sebenar kesan daripada perubahan sistem pemilikan tanah British terhadap pemilikan tanah orang Melayu di Kedah. Sistem pemilikan tanah British di Kedah 1909 hingga 1941 telah menyebabkan tanah-tanah orang Melayu jatuh ke tangan pelabur-pelabur luar dan menyebabkan pola pemilikan tanah orang Melayu lebih ke arah tanah-tanah pertanian yang bersifat domestik seperti tanaman padi dan dusun buah-buahan. Tindakan British mengetatkan syarat-syarat dalam permohonan pemilikan tanah kepada orang Melayu menyebabkan pelabur-pelabur luar dapat mengaut keuntungan yang tinggi hasil daripada pelaburan mereka dalam pemilikan tanah di Kedah.

Perubahan dalam prosedur pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh British telah memperlihatkan tanah dijadikan satu komoditi yang amat bernilai dan boleh diniagakan. Hal ini menyebabkan banyak tanah-tanah orang Melayu mulai jatuh ke tangan orang luar ekoran daripada beban kewangan yang perlu ditanggung oleh orang Melayu untuk menyelenggarakan tanah mereka. Pembaharuan dalam urusan pentadbiran tanah di Kedah yang diperkenalkan oleh British terhadap orang Melayu juga telah menyebabkan kebanyakan tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu terletak jauh di luar bandar atau pun di kawasan pedalaman. Namun begitu, sistem pemilikan tanah British di Kedah juga telah memperlihatkan kewujudan satu sistem pemilikan tanah yang lebih bersistematik berasaskan keluasan tanah yang diukur dan diberi surat hak milik tanah yang sah.

1.2 Sorotan Kajian

Tanah merupakan modal atau harta yang berharga kepada pemiliknya. Justeru, terdapat pengkaji sejarah yang telah mengkaji sistem pemilikan tanah tradisional dan semasa penjajahan British di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, kajian berkenaan sistem pemilikan tanah dan isu pemilikan tanah orang Melayu secara menyeluruh ketika pemerintahan tradisional dan British masih kurang dibuat kajian terutamanya di negeri Kedah. Antara kajian yang memperkatakan berkenaan sistem pemilikan tanah telah ditulis oleh Nik Haslinda Nik Hussain. Kajiannya, *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan 1881-1941* telah membincangkan dengan lebih terperinci berkenaan sistem pemilikan tanah sebelum dan semasa pihak British berkuasa di Kelantan. Beliau telah memperincikan sistem pemilikan tanah tradisional dan British di Kelantan.²⁹ Sistem pemilikan tanah tradisional Kelantan mempunyai persamaan dengan sistem pemilikan tanah tradisional di Kedah kerana raja adalah pemilik mutlak tanah. Rakyat dikurniakan tanah untuk diusahakan dan rakyat memberi sebahagian kecil hasil pertanian kepada raja sebagai tanda kesetiaan. Pembaharuan sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh pihak British di Kelantan telah mencetuskan bantahan daripada orang Melayu di Kelantan. Pembaharuan terhadap sistem pemilikan tanah oleh pihak British telah menambahkan kesulitan orang Melayu untuk memiliki atau mengusahakan tanah. Situasi ini juga dihadapi oleh orang Melayu di Kedah ketika pemerintahan British, masyarakat tempatan terpaksa berhadapan dengan prosedur pentadbiran tanah yang dijalankan oleh British. Walau bagaimanapun orang Melayu di Kelantan dan Kedah tetap memohon untuk memiliki tanah kerajaan secara sah. Namun begitu, kajian Nik Haslinda ini hanya membincangkan mengenai pemilikan tanah di Kelantan dan dapat dijadikan perbandingan terhadap sistem pemilikan tanah di Kedah.

²⁹ Nik Haslinda Nik Hussain, 2011, *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan.1881-1941*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Hal. 12

Mahani Musa, dalam bukunya bertajuk *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940* telah membincangkan peranan wanita Melayu mengharungi kemelut ekonomi ketika pemerintahan tradisional dan semasa pemerintahan British di Kedah (1881-1940).³⁰ Semasa pemerintahan tradisional Kedah (1881-1909), wanita Melayu juga telah dilihat sebagai pengusaha tanah pertanian yang aktif di Kedah. Wanita Melayu di Kedah juga tidak ketinggalan berusaha untuk memiliki tanah dan mengumpul kekayaan. Perubahan sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh pihak British (1909-1941) tidak menghalang wanita Melayu Kedah untuk memohon tanah dari Pejabat Tanah Negeri dan Daerah untuk tujuan dijadikan kampung, kebun getah, sawah padi dan dusun. Wanita Melayu Kedah juga bersedia mempertahankan tanah milik keluarga daripada jatuh ke tangan pihak lain. Walau bagaimanapun penglibatan sebenar wanita Melayu Kedah dalam permohonan dan pemilikan tanah tidak ditunjukkan melalui angka bancian. Walaupun hasil kajian Mahani Musa ini ada memperkatakan tentang sistem pemilikan tanah tradisional dan British di Kedah namun aspek kesan terhadap orang Melayu tidak disentuh secara menyeluruh.

Mohd Isa Othman dalam bukunya bertajuk *Pengalaman Kedah dan Perlis, Zaman Penjajahan British* telah membincangkan tentang semangat kesetiaan, kenegerian dan perubahatan orang Melayu ketika British berkuasa di kedua-dua negeri tersebut.³¹ Beliau juga berpendapat sistem pemilikan tanah merupakan satu medium yang digunakan oleh pemerintah tradisional dan pihak British untuk menguasai rakyat tempatan. Beliau juga berpendapat sistem pemilikan tanah tradisional telah dikesan sejak abad ke-18 ketika pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa kerana baginda telah memperkenalkan peraturan sukat tanah dan hak milik tanah. Beliau juga berpendapat sistem pemilikan tanah tradisional lebih

³⁰ Mahani Musa, 2005, *Sejarah & Sosioekonomi Wanita*

³¹ Mohd. Isa Othman, 2001, “ *Pengalaman Kedah dan*”

memberi keuntungan kepada golongan pemerintah namun tidak membebankan rakyatnya. Semasa pemerintahan British, tanah menjadi komoditi berharga yang boleh diniagakan. Hal ini menyebabkan pemilik tanah akan menjual tanah mereka kepada golongan bukan Melayu untuk memperoleh keuntungan segera. Walaupun beliau ada memperkatakan berkenaan sistem pemilikan tanah tradisional dan British di Kedah tetapi perkara ini tidak dibincangkan secara menyeluruh berhubung prosedur permohonan tanah seperti yang telah ditetapkan oleh British.

Dato' Abu Hassan Sham, melalui penulisannya bertajuk *Undang-Undang Kedah* lebih memperkatakan tentang sistem perundangan tradisional Kedah. Beliau berpendapat hanya bahagian kedua dan kelima dalam *Undang-Undang Kedah* yang memperkatakan tentang sistem pemilikan tanah semasa pemerintahan tradisional di Kedah.³² Beliau telah menggunakan *Undang-Undang Kedah* versi R.O Winstedt sebagai bahan kajian dan panduan penulisannya. Kajian beliau lebih menjurus kepada kandungan undang-undang yang diamalkan di Kedah secara menyeluruh dan undang-undang berkenaan sistem pemilikan tanah disentuh secara sepintas lalu. Kajian ini akan menjelaskan secara terperinci berkenaan Undang-undang Kedah versi Ku Din Ku Meh yang kandungannya didapati lebih menyeluruh berkenaan undang-undang tanah tradisional. Dalam bukunya yang lain, Dato' Abu Hassan Sham yang bertajuk *Undang-Undang Tanah Sebagaimana Terdapat dalam Hukum Kanun Melayu* yang ditulis oleh beliau juga turut membincangkan berkenaan undang-undang tanah dalam sistem pemilikan tanah di Tanah Melayu.³³ Walau bagaimanapun hasil kajian beliau hanya memberi penumpuan terhadap undang-undang tanah dalam Hukum Kanun Melayu. Buku ini tidak membincangkan mengenai pentadbiran British khususnya berhubung sistem pentadbiran tanah mereka di Kedah.

³² Dato' Abu Hassan Sham, 2003, "*Undang-Undang Kedah*", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

³³ Abu Hassan Sham, 1998, *Undang-Undang Tanah Sebagaimana Terdapat dalam Hukum Kanun Melayu*, Perputakaan Negara Malaysia.

Khoo Khay Jin, melalui kajiannya yang bertajuk 'Undang-Undang Kedah dengan Tumpuan Khusus Kepada Pegawalan Hak Milik Tanah' lebih membincangkan fasal-fasal yang berkaitan dengan peraturan mengusahakan tanah raja. Beliau berpendapat sistem pemilikan tanah tradisional Kedah lebih kepada mengusahakan tanah kurniaan raja.³⁴ Beliau hanya memberi tumpuan kepada sistem pemilikan tradisional dan berkenaan undang-undang tanah Kedah dengan tidak melibatkan campur tangan British. Kajian ini cuba mengupas dengan lebih mendalam perubahan yang dibawa oleh pemerintah tradisional melalui undang-undang yang berkaitan dengan sistem pemilikan tanah tradisional. Menurut Liaw Yock Fang, dalam buku Undang-Undang Melaka menyentuh tentang Undang-Undang Adat Kedah banyak dipengaruhi oleh Undang-Undang Melaka. Beliau juga ada menyentuh berkenaan soal tanah hidup dan tanah mati.³⁵ Namun begitu beliau hanya membuat tinjauan sepintas lalu untuk menggambarkan kepentingan Undang-Undang Melaka sebagai panduan dan rujukan di negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun dalam kajian ini lebih menumpukan terhadap undang-undang tanah di Kedah.

Artikel Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, 'Hukum Kanun Kedah: Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Setar' lebih memberi tumpuan kepada isi kandungan undang-undang bahagian ketiga dalam *Undang-Undang Kedah* iaitu *Hukum Kanun Dato' Kota Setar*. Beliau juga telah membincangkan sistem pemilikan tanah orang Melayu pada abad ke-17. Beliau berpendapat masyarakat tempatan ketika itu majoriti menjadi petani. Tanah yang dikurniakan oleh raja kepada rakyatnya diusahakan dengan tanaman padi dan negeri Kedah

³⁴ Khoo Khay Jin, 1991, 'Undang-Undang Kedah dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah', Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

³⁵ Liaw Yock Fang, 1976, *Undang-undang Melaka*, The Hague: Martinus Nijhoff.

ketika itu dikenali sebagai pengeluar hasil padi utama di Tanah Melayu.³⁶ Walaupun hasil kajian Wan Shamsuddin lebih memberi tumpuan kepada sistem pemilikan tanah di Kedah pada abad ke-17. Namun begitu, kajian beliau lebih tertumpu kepada sistem pemilikan tanah tradisional. Secara keseluruhannya, penulisan tesis ini memaparkan perbandingan antara sistem pemilikan tanah tradisional dan perubahan yang diperkenalkan oleh British dalam sistem pemilikan tanah di Kedah.

Mariyam Salim, berdasarkan bukunya yang bertajuk *Undang-Undang Kedah* juga telah membincangkan persoalan berkenaan undang-undang yang berkaitan dengan sistem pemilikan tanah telah digunakan ketika pemerintahan tradisional sebelum pihak British berkuasa di Kedah (1909).³⁷ Mariyam Salim telah membincangkan tentang undang-undang berkaitan tanah secara terperinci ketika pemerintahan tradisional. Walau bagaimanapun hasil kajian beliau hanya berkisar berkenaan tanggungjawab raja terhadap rakyatnya dan tanggungjawab rakyat terhadap tanah yang diusahakan mereka. Oleh yang demikian, penulisan tesis ini menjurus kepada penghuraian lanjut mengenai sistem pemilikan tanah tradisional dari sudut pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh sultan-sultan di Kedah.

Buku tulisan Sharom Amat, bertajuk *Tradition and Changes a Malay State: Study of the Economic and Political Development 1878-1923* pula lebih menumpukan perhatian kepada sistem pemerintahan tradisional dan perubahan yang berlaku dalam bidang politik dan ekonomi ketika zaman pemerintahan tradisional dan zaman penjajahan British di Kedah

³⁶ Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, 1990, 'Hukum Kanun Kedah: Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Setar', Alor Setar. Kedah.

³⁷ Mariyam Salim, 2005. *Undang-Undang Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

(1878 hingga 1923).³⁸ Beliau juga telah meneliti aspek pemilikan tanah orang Melayu sebelum penjajahan British dan dasar pemilikan tanah British di Kedah yang lebih menguntungkan pelabur Barat. Walau bagaimanapun kajian Sharom Amat ini tidak membincangkan aspek sistem pemilikan tanah orang Melayu Kedah secara khusus. Affifudin Omar, dalam bukunya bertajuk *Penanam Padi di Kedah: Sejarah Pertanian dalam Ekonomi Negeri Kedah* dan rencana bertajuk 'Dokumentasi Konvensyen Sejarah' telah membincangkan berkenaan kepesatan pembangunan pertanian menyebabkan permintaan terhadap pemilikan tanah juga turut meningkat di Kedah.³⁹ Beliau berpendapat, peningkatan permintaan terhadap pemilikan tanah berpunca daripada penghijrahan beramai-ramai penduduk dari negeri-negeri berdekatan seperti Perak, Kelantan, Terengganu, Kalimantan, Sumatera, Jawa dan Selatan Siam. Walaupun Affifudin Omar menjurus kepada ekonomi orang Melayu ketika pemerintahan tradisional tetapi penulisannya tidak membincangkan secara terperinci sistem pemilikan tanah ketika itu.

Badriyah Haji Salleh, melalui penulisan bertajuk *Sejarah Ekonomi Kedah Kurun Ke-19*, juga telah membincangkan ekonomi orang Melayu yang berpusatkan sektor pertanian padi. Beliau memperlihatkan sektor pertanian padi telah berkembang pesat pada abad ke-17, 18 dan 19. Kepadatan penduduk di Kedah ketika itu lebih tertumpu di kawasan pertanian padi dan aktiviti penerokaan tanah untuk tujuan pertanian juga meningkat.⁴⁰ Walau bagaimanapun, penulisan beliau tidak memperlihatkan sistem pemilikan tanah di Kedah antara tahun 1909 hingga 1941 iaitu ketika pentadbiran British di Kedah.

³⁸ Sharom Amat, 1984. 'Tradition and Changes a Malay State: Study of the economic and Political Development 1878-1923', *MBRAS*, no.12.

³⁹ Affifudin Omar, 1990. '*Penanam Padi di Kedah: Sejarah Pertanian dalam Ekonomi Negeri Kedah*', Alor Setar, Kedah.

⁴⁰ Badriyah Haji Salleh, 2006. *Sejarah Ekonomi Kedah Kurun ke 19*, Arkib Negara Cawangan Kedah. Kedah

Kajian berkenaan sistem pemilikan tanah British di Kedah (1909-1941) juga telah dibincangkan oleh pengkaji sejarah dari Barat antaranya W.J.W Ricquier, melalui penulisan bukunya *Land Law Second Edition*. Beliau telah membincangkan berkenaan sistem pemilikan tanah British berdasarkan Sistem Torrens yang diperkenalkan oleh pihak British pada tahun 1913 di Kedah, telah membuka ruang seluasnya kepada golongan bukan Melayu dan pelabur Barat untuk memiliki serta mengusahakan tanah di Tanah Melayu. Beliau juga berpendapat, dasar British di Tanah Melayu telah menyebabkan permintaan untuk memiliki tanah semakin meningkat.⁴¹ Beliau juga turut mengupas mengenai sistem pemilikan tanah British di Kedah (1909 hingga 1941) yang perlu diteliti dengan lebih mendalam.

Rupert Emerson, dalam bukunya bertajuk *Malaysia* telah membincangkan berkenaan sejarah perkembangan negeri-negeri di Malaysia. Beliau telah meneliti perkembangan sejarah pentadbiran tradisional dan British ketika menjajah negeri-negeri di Tanah Melayu dari sudut sosioekonomi. Beliau berpendapat pihak British telah memperkenalkan sistem pemilikan tanah yang baru bagi menggantikan sistem pemilikan tanah tradisional di Tanah Melayu. Beliau mendapati hasil sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh pihak British menyebabkan permohonan terhadap pemilikan tanah semakin meningkat di Tanah Melayu.⁴² Walau bagaimanapun penulisan buku beliau terhadap sistem pemilikan tanah di Kedah hanya dibincangkan secara sepintas lalu.

Kajian Sawiyah Abdullah bertajuk 'Hak Milik Strata' lebih memberi penekanan terhadap sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu. Kerajaan yang memerintah berkuasa sepenuhnya terhadap semua tanah di bawah pentadbirannya.

⁴¹ W. J. W Ricquier, 1995. *Land Law Second Edition*, Butterworth Asia, Singapore.

⁴² Rupert Emerson, 1964. *Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Beliau berpendapat sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh pihak British juga lebih mudah untuk dikendalikan, adil dan dapat mengurangkan perbelanjaan pengurusan pentadbiran tanah⁴³. Oleh yang demikian, berdasarkan kajian beliau berkenaan sistem pemilikan tanah British dijadikan sumber rujukan untuk penulisan kajian beliau.

James F. Agustin, melalui penulisannya yang bertajuk *The Beginning of The Rubber Industry in Kedah* telah membincangkan perkembangan industri getah ketika pihak British berkuasa di Kedah (1909 hingga 1941). Beliau berpendapat sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh pihak British telah memberi pulangan keuntungan yang besar kepada pelabur-pelabur British di Kedah. Malahan, mereka dibenarkan untuk memiliki dan seterusnya mengusahakan tanah tersebut dengan skala yang besar. Beliau juga telah membincangkan prosedur permohonan tanah yang telah ditetapkan oleh pihak British melalui Pejabat Tanah Negeri.⁴⁴ Enakmen Tanah Rizab Melayu yang diperkenalkan oleh British bertujuan untuk menyekat tanah milik orang Melayu terlepas kepada golongan bukan Melayu adalah satu tindakan yang baik tetapi pelanggaran syarat-syarat yang terkandung dalam Enakmen Tanah Rizab tetap wujud disebabkan kepentingan ekonomi British.

Artikel Kassim Tukiman, yang bertajuk 'Orang Melayu, Tanah dan Kemiskinan' telah membincangkan berkenaan kepentingan Tanah Rizab Melayu terhadap orang Melayu.⁴⁵ Pengambilan tanah milik orang Melayu menyebabkan orang Melayu terpaksa menyewa tanah dan ditindas oleh pemilik tanah tersebut. Abdul Rahim Awang Kecik, juga menulis artikel yang sama berkenaan Tanah Rizab Melayu iaitu *Tanah Rizab Melayu Hasrat Inggeris Ketika*

⁴³ Sawiyah Abdullah, 1987. "Hak Milik Strata", Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor.

⁴⁴ James F. Agustin, 1968. 'The Beginning of The Rubber Industry in Kedah', *KDSS*, jilid 3, Bil.1b

⁴⁵ Kassim Tukiman, 1996. 'Orang Melayu, Tanah dan Kemiskinan', *Majalah Dewan Budaya*, Kuala Lumpur.

Merancang. Beliau berpendapat sikap orang Melayu yang suka berhutang dan tidak dapat menjelaskan hutang-hutang mereka sehingga menyebabkan tanah milik mereka jatuh ke tangan golongan bukan Melayu.⁴⁶

S.K Das, melalui penulisan jurnalnya bertajuk *The Torrens System in Malaya* juga membincangkan berkenaan Enakmen Tanah Rizab Melayu di Kelantan. Beliau berpendapat Enakmen Tanah Rizab Melayu di Kelantan telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya kerana ketegasan raja menjaga kepentingan hak orang Melayu.⁴⁷ Walau bagaimanapun hasil penulisan S.K. Das ini lebih banyak membincangkan persoalan berkenaan pelaksanaan Sistem Torrens ketika pihak British berkuasa di Tanah Melayu khususnya di Kelantan.

Tesis tulisan Julia Sharina Mohamad Sheriff bertajuk 'Sejarah Perkembangan Tanah Di Negeri Kedah Sekitar Abad Ke-18 Sehingga Pertengahan Abad ke-20' telah membincangkan berkenaan sistem pemilikan tanah tradisional dan ketika British berkuasa di Kedah.⁴⁸ Tesis ini juga telah membincangkan hubungan Kedah dengan negara luar seperti Siam dan Britain serta undang-undang tanah yang pernah diamalkan sebelum dan selepas British berkuasa di Kedah. Walau bagaimanapun kajian beliau masih tidak termasuk kesan sistem pemilikan tanah British terhadap pemilikan tanah orang Melayu di Kedah.

⁴⁶ Abdul Rahim Awang Kecik. Julai 1979. *Tanah Rizab Melayu Hasrat Inggeris Ketika Merancang*, Dewan Masyarakat, Kuala Lumpur.

⁴⁷ S. K Das, 1993. 'The Torrens System in Malaya', *Malayan Law Journal*, Singapura.

⁴⁸ Julia Sharina Mohamad Sheriff, 2003. *Sejarah Perkembangan Tanah Di Negeri Kedah Sekitar Abad Ke-18 Sehingga Pertengahan Abad ke-20*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Tesis sarjana Ahmad Nazri Abdullah yang telah dibukukan bertajuk ‘Melayu dan Tanah’ telah menyentuh perkembangan sejarah sistem pemilikan tanah sebelum dan selepas penjajahan British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.⁴⁹ Secara keseluruhan pendekatan kajian beliau menarik dan berjaya mengupas isu-isu yang berkaitan dengan perkembangan sistem pemilikan tanah di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun penulisan tesisnya kurang memberi tumpuan terhadap sistem pemilikan tanah di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu termasuk Negeri Kedah.

Tulisan Mohd. Ridzuan Awang, bertajuk ‘Undang-Undang Tanah Islam: Pendekatan Dan Perbandingan’ telah memperkatakan berkenaan Undang-Undang Tanah Islam dan undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh pihak British.⁵⁰ Beliau berpendapat kedua-dua undang-undang tanah ini mempunyai perbezaan dari segi pelaksanaannya. Undang-Undang Tanah Islam telah menetapkan pemiliknya memiliki segala yang terdapat di atas dan di dalam tanah miliknya. Undang-Undang tanah yang diperkenalkan oleh pihak British pula menetapkan segala khazanah di dalam tanah adalah milik kerajaan yang memerintah. Pemilik tanah hanya boleh berusaha dan seterusnya memiliki hasil tanah mereka yang terdapat pada permukaan tanah mereka sahaja. Oleh yang demikian, hasil kajian beliau ini sesuai digunakan sebagai bahan rujukan bagi menghasilkan tesis ini.

W.E Maxwell dalam artikelnya yang bertajuk *The Law And Custom Of The Malays With Reference To The Tenure Of Lands* telah membincangkan tentang peraturan jual beli tanah yang memerlukan keizinan raja. Beliau berpendapat sistem pemilikan tanah tradisional

⁴⁹ Ahmad Nazri Abdullah, 1985. *Melayu dan Tanah*, Media Intelek Sdn.Bhd.

⁵⁰ Mohd. Ridzuan Awang, 1987. *Undang-Undang Tanah Islam: Pendekatan Dan Perbandingan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

sebenarnya tidak begitu sistematik kerana ketika itu keluasan tanah melebihi keperluan rakyat untuk bertani. Oleh yang demikian kepentingan tanah tidak begitu berharga jika dibuat perbandingan setelah pihak British menguasai Negeri-Negeri Utara Tanah Melayu. Walaupun wujud sistem jual beli tanah namun, urusan jual beli tanah hanya dilakukan secara lisan sahaja berdasarkan kejujuran dan kepercayaan antara penjual dan pembeli. Hasil kajian beliau ini adalah penting dalam kajian ini untuk memperlihatkan sistem pemilikan tanah tradisional Kedah ketika pemerintahan tradisional.⁵¹

Wan Anuar dalam penulisannya telah menyenaraikan contoh salinan surat putus yang merupakan surat pemilikan tanah yang wujud dalam zaman pemerintahan Sultan Kedah iaitu sebelum British mentadbir negeri Kedah. Hal ini menunjukkan bahawa Kedah juga telah menggunakan bukti bertulis yang menunjukkan hak pemilikan terhadap tanah yang dimilikinya.⁵²

Buku bertajuk *Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial di Semenanjung Malaysia* hasil tulisan Jomo Sundram membincangkan tentang sistem pemilikan tanah tradisional yang melibatkan amalan perhambaan di kalangan pembesar-pembesar tempatan. Golongan pembesar ini telah menghalang rakyat daripada mempunyai tabungan kewangan di mana akhirnya rakyat akan menjadi golongan hamba berhutang. Bagi menyelesaikan hutang-hutang ini, mereka perlu mengusahakan tanah secara percuma. Buku ini tidak membincangkan secara terperinci mengenai hak pemilikan tanah sama ada di kalangan pembesar mahu pun

⁵¹ W. E. Maxwell, 1884. *The Law and Customs of The Malays With Reference To The Tenure of Lands*, JSBRAS

⁵² Wan Anuar Wan Ishak, 1969. *Sejarah Undang-undang Tanah Negeri Kedah*, *Majalah Petak*, Kedah.

golongan rakyat biasa.⁵³ Situasi yang sama juga terjadi kepada orang Melayu di negeri Kedah, di mana mereka perlu mengusahakan tanah milik pembesar bagi membayar hutang.

Buku J. M. Gullick, *Malay Society In The Late Nineteenth Century*, ada menyatakan tentang ekonomi separa saradiri yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional. Beliau mendapati orang Melayu pada masa itu mengerjakan tanah bukan sahaja untuk keperluan sendiri tetapi juga akan dijual sebahagian daripada hasil tanaman mereka untuk mendapatkan keperluan yang lain. Namun begitu, kajian beliau tidak menyentuh mengenai aspek pemilikan tanah yang diusahakan oleh orang Melayu pada waktu itu.⁵⁴

Tesis sarjana Zaharah Mahmud, *Change in a Malay Sultanate: Historical Geography of Kedah Before 1939*, pula membincangkan tentang ekonomi yang berasaskan pertanian telah mempengaruhi corak pentadbiran tradisional Kedah. Sultan Muhamad Jiwa yang memerintah Kedah pada ketika itu telah membuka banyak kawasan pertanian baru untuk penanaman padi dan baginda juga telah mewujudkan sistem pembahagian tanah kepada rakyat yang tidak mempunyai tanah untuk diusahakan. Namun begitu beliau tidak pula menyatakan apakah status hak pemilikan ke atas tanah yang dikurniakan oleh sultan kepada rakyatnya.⁵⁵

Buku Affifuddin Omar iaitu *Tanah, Keterhakistan Sosial dan Ekologi* pula memaparkan tentang bantahan orang-orang Melayu di daerah Yan yang tidak berpuas hati

⁵³ Jomo Karume Sundaram, 1998. *Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial di Semanjung Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁵⁴ J. M. Gullick, 1989. *Malay Society in the Late Nineteenth Century*, Oxford University Press, Singapore.

⁵⁵ Zaharah Mahmud, 1966. 'Change in a Malay Sultanate: A Historical Geography of Kedah Before 1939', Tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya.